

**MIC Mahu Sumbang Undi Masyarakat India Selangor Kepada BN**  
**Bernama**  
**14 Oktober, 2012**

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- MIC akan meningkatkan usaha untuk mendapatkan 235,000 undi masyarakat India di Selangor kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang, kata Presidennya Datuk Seri G. Palanivel.

Beliau yang juga Ketua MIC Selangor berkata MIC yakin untuk memperoleh undi tersebut berdasarkan pelbagai inisiatif yang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menaik kesejahteraan masyarakat India.

"Dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, kami jangka sokongan masyarakat India kepada BN akan meningkat lebih 70 peratus di Selangor terutama di luar bandar dan pinggir bandar.

"Ini penting untuk merampas kembali Selangor dari pembangkang," katanya kepada pemberita semasa menghadiri majlis meletak batu asas pembinaan Kuil Sri Maha Mariamman di Rimba Jaya di sini Ahad.

Palanivel berkata MIC juga akan menambah undi sedia ada yang parti peroleh kepada lebih 500,000 undi berbanding 400,000 sekarang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701856>